

ISSUE #47/20 JULAI 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



HUN HAQEEM,
MIRA FILZAH;

TENTANG KESUBURAN & MANDUL



'Mandul Bukan Pilihan'

Sentuh Isu Tabu

Isu kesuburan sering dianggap sensitif dan sukar dibincangkan secara terbuka terutama dalam kalangan pasangan suami isteri yang sudah lama berkahwin dan masih mencuba untuk mendapatkan zuriat.

Sebagai teraju utama dalam drama Mandul Bukan Pilihan, Mira Filzah, Ayda Jebat dan Hun Haqem menganggap karya ini mampu memberikan kesedaran serta sokongan kepada mereka yang bergelut dengan situasi tersebut.

Pelakon utama, Mira Filzah, memberitahu bahawa dia banyak membaca dan mengikuti perkongsian wanita TTC (Try To Conceive) di media sosial.

Menurutnya, platform sebegini sangat membantu membuka mata masyarakat terhadap realiti dan cabaran yang dilalui oleh golongan tersebut.

"Kalau kita cari di media sosial berkenaan TTC, memang banyak sangat cerita yang dikongsikan. Sekarang ini, orang sudah mula berkongsi apa yang mereka rasa, apa yang mereka alami, dan situasi mereka. Jadi saya banyakan membaca mengenai mereka," kata Mira.

Kagum Dengan Wanita TTC

Mira turut meluahkan rasa hormat dan kagumnya terhadap ketabahan wanita TTC.

Baginya, mereka adalah individu yang sangat kuat dan layak diberikan sokongan serta ruang untuk berusaha tanpa tekanan.

"Perasaan takut itu pasti ada tetapi saya percaya zaman sekarang ini sudah ada banyak rawatan moden dan teknologi. Jadi insya-Allah, kita boleh usaha.

Bagi saya, wanita yang mengalami TTC ini sangat kuat sebab Allah takkan uji mereka dengan sesuatu yang mereka tak mampu hadapi," ujarinya.

Perkataan 'Mandul' Berat Untuk Disebut

Sementara itu, Ayda Jebat turut mengakui dia berasa sangat bimbang untuk menyebut perkataan mandul ketika menerima naskah tersebut.

Katanya, sebagai pelakon, menyebut perkataan mandul pun terasa berat kerana ia membawa makna yang sangat besar dan menyentuh emosi ramai wanita.

"Bila nak sebut perkataan mandul pun, kita semua tarik nafas panjang. Tapi bila kita faham konsep dan mesej drama ini, semua orang akan nampak nilai dan pengajaran yang dibawa," jelas Ayda.

Lelaki Buat Ujian Kesuburan

Dalam masa sama, Hun Haqem atau nama sebenarnya Haqem Hermy tampil dengan pandangan yang progresif apabila mengakui tidak malu untuk menjalani ujian kesuburan.

Katanya, adalah tidak adil jika isu ini hanya dibebankan kepada pihak wanita.

"Sudah tentu saya akan buat ujian kesuburan. Bagi saya, setiap lelaki perlu lakukan. Ia adil supaya kedua-dua pihak tahu apa masalah yang dihadapi," kata Hun.

Hun juga berpendapat komunikasi adalah kunci dalam perkahwinan.

Jelas aktor yang memegang watak Aldi dalam drama ini, jika ada masalah, ia harus diselesaikan bersama dan bukan disandarkan pada sebelah pihak sahaja.

"Setiap pasangan perlu berbincang dan sentiasa bekerjasama. Komunikasi itu penting dalam perkahwinan," tambahnya.

Menurut Naib Presiden Strategi Pembangunan Kandungan Hiburan Melayu Astro, Raqim Ahmad, Astro komited menjadi peneraju kandungan tempatan dengan menyajikan drama berkualiti tinggi yang sarat emosi, relevan dan mencerminkan isu masyarakat.

"Menerusi kempen Home of Drama, Astro mengetengahkan pelbagai genre yang dekat di hati penonton dengan mesej sosial yang kuat, menjadikan Astro destinasi utama untuk karya tempatan yang bermakna," ujarnya.

Ditulis oleh penulis skrip terkenal Indonesia, Mandul Bukan Pilihan merupakan drama menyentuh isu infertiliti dalam kalangan pasangan muda, berlatarkan konflik perjanjian RM1 juta yang mencabar norma dan prinsip hidup.

Naskhah ini membuka perbincangan tentang tekanan emosi dan stigma terhadap wanita, dibintangi oleh Mira Filzah, Hun Haqem, Ayda Jebat dan Ashraf Muslim, serta diiringi runut bunyi oleh Misha Omar, Hael Husaini dan Nadeera Zaini.





DRAMA MANDUL BUKAN PILIHAN

Produksi : iFAME

Pengarah : Osman Ali

Penulis Skrip : Oka Aurora

Info siaran : Bermula 14 Julai 2025, setiap Isnin - Khamis, jam 10 malam di Astro Ria (saluran 104)

Sinopsis:

Ketika Aldi melamar Billa pada usia muda, nenek Billa yang tegas, Zahra, memaksa mereka menandatangani perjanjian berat: jika Billa mandul dan Aldi menceraikannya, Aldi perlu membayar RM1 juta. Demi cinta, mereka akur. Lima tahun berlalu tanpa zuriat walaupun mencuba pelbagai rawatan termasuk IVF. Tekanan memuncak apabila Billa disahkan menghidap kanser dan sebagai usaha terakhir, dia meminta adik angkatnya, Farah, untuk membantunya. Namun, Farah mempunyai niat tersembunyi untuk merampas Aldi. Dalam masa yang sama, Billa semakin rapat dengan sahabat lamanya, Ben, seorang doktor yang menjadi tempat bergantung. Pertelingkahan, pengkhianatan dan dilema cinta menguji perkahwinan mereka, memaksa Billa dan Aldi memilih antara kesetiaan, pengorbanan dan erti sebenar sebuah keluarga.

Ehati® LOVE IS OUR PASSION

eHati, Ritual Bogel Awak Buat Satu Malaysia Susah Hati

Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (2002), ajaran ditakrifkan sebagai segala perkara yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan mazhab. Sesat pula ditakrifkan sebagai tidak mengikut jalan yang betul, tersalah (tersilap) jalan, terkeliru (perbuatan, kepercayaan) dan menyimpang daripada jalan yang benar.

Secara ringkas, masyarakat boleh memahami ajaran sesat adalah ilmu yang diajar dan disebarkan sama ada secara rahsia atau meluas kepada orang lain yang didapati menyimpang daripada kebenaran asal.

Dan apabila munculnya kumpulan atau organisasi yang membawa nama program motivasi seperti eHati dengan paksi membantu golongan yang mempunyai masalah rumah tangga dengan ajaran tidak tentu hala — pada abad ke-21, dari manakah semua peserta yang terpedaya? Gua?

Sungguh, pendedahan demi pendedahan yang dibuat sempat menimbulkan keraguan dan rasa cemas. Macam tidak percaya, ritual seakan kultus 'orang putih' yang selalu ditonton di kaca televisyen ada di Malaysia ; dan dijalankan oleh orang Islam.

Sementelah Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan mengesahkan wujud adegan bogel dalam program eHati yang berlangsung di sebuah pusat konvensyen di Shah Alam pada September lalu.

Ia dilakukan empat individu membabitkan fasilitator dan peserta program berkenaan bersempena dengan program Queens Night. Aktiviti bogel tersebut pula digelar sebagai rebirth atau kelahiran semula.

Meski pengasas eHati International Sdn Bhd yang juga pasangan suami isteri, Diyana Tahir dan Rahim Shukor menafikan dakwaan program anjuran mereka mengandungi unsur

menggugat akidah umat Islam atau bertentangan dengan maqasid usul akhlak mulia, secara jelas dengan akal waras menerusi bukti, maklum, aktiviti yang dianjurkan adalah sesat. Mereka mendakwa telah difitnah. Namun akhirnya kebenaran terbongkar dengan aktiviti rebirth atau entah apa yang lainnya lagi - masih di dalam siasatan pihak berkuasa.

Tanpa merendahkan nilai agama lain, semua kefahaman dan pegangan adalah suci. Institusi perkahwinan atau peranan pasangan dan keluarga adalah penting. Namun penting juga untuk memahami bahawa jika berdepan konflik, jabatan agama Islam selalu ada ruang menghulur bantuan.

Ramai juga penasihat bertauliah atau pakar kaunseling yang berpendidikan boleh dibayar jika mahu nasihat yang lebih 'aman'.

Bukan habiskan wang, menaruh sepenuh kepercayaan bahawa program motivasi seperti melakukan ritual dan berbogel boleh selesaikan masalah. Itu cari masalah — masalah yang buat satu Malaysia susah hati. - MALIAH SURIP



Shila Amzah VS Amy Search? Ini Kronologi Insiden 'Serangan' Yang Kita Ketahui Setakat Ini

Nama penyanyi, Shila Amzah mula menjadi bualan netizen selepas dia memuat naik hantaran mendakwa diserang oleh seorang penyanyi legenda ketika sesi 'sound check' untuk konsert ulang tahun Mr. D.I.Y yang ke-20.

Berikut merupakan kronologi insiden 'serangan' yang kita tahu setakat ini:

10 Julai 2025

- Shila Amzah mencuri perhatian apabila mendakwa dirinya diserang oleh seorang penyanyi legenda menerusi satu hantaran di Instagram Stories.
- Pengurus Shila, Aini, berkongsi bahawa satu laporan polis telah dibuat berhubung kejadian itu.
- Identiti penyanyi yang dimaksudkan tidak didedahkan oleh Shila.

Moments sebelum Kena attack dgn someone legendary but no longer in my list.

11 Julai 2025

- Polis mengesahkan menerima laporan daripada Shila Amzah berkenaan serangan yang berlaku di hadapan kru produksi.
- Insiden memberi kesan emosi kepada Shila sehingga beliau membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi, sekitar jam 5.31 petang.
- Kes disiasat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan (ugutan jenayah).

Nama Awie Terpalit?

- Nama penyanyi rock terkenal, Datuk Awie, mula dikaitkan oleh netizen.
- Awie menafikan penglibatannya, menyatakan beliau tidak berada di tempat kejadian.

Sebelum Konsert Bermula

- Pengurus Shila tampil memohon maaf kerana artisnya tidak dapat memberikan kenyataan lanjut atas nasihat pihak berkuasa.

Semasa Persembahan

- Shila tetap tampil membuat persembahan dalam konsert MR D.I.Y. dan mengakui sukar mengharungi hari tersebut.

Beberapa Jam Selepas Persembahan

- Shila memuat naik ucapan terima kasih kepada penganjur dan rakan artis di Instagram, namun satu nama penting tidak disebut, menimbulkan spekulasi tentang individu yang menyeranginya.



12 Julai 2025

- Datuk Awie sekali lagi tampil menyatakan rasa kecewa dan tertekan apabila terus dikaitkan.
- Beliau meminta agar Datuk Amy Search tampil menjelaskan keadaan sebenar bagi membersihkan namanya.

Nabila Huda Bermanolog

- Perkongsian video memperlihatkan pelakon Nabila Huda sedang melontarkan dialog seakan-akan menyindir seseorang di laman Instagram miliknya menarik perhatian netizen.
- Menerusi video yang dimuat naik, Nabila dilihat sedang meluahkan kata-kata tegas terhadap seseorang yang digambarkan sebagai memalukan keluarga dan suami sendiri.

13 Julai 2025

- Polis mendedahkan rasa tidak puas hati kerana mencampuri urusan keluarga dipercayai menjadi punca serangan terhadap Shila.
- Empat individu telah dipanggil untuk dirakam percakapan, termasuk saksi kejadian.

Shila Dedah Nama Penyanyi Terlibat

- Shila menafikan penglibatan Ella dan Awie.
- Beliau mengesahkan Datuk Amy Search sebagai individu yang menyerang.
- Shila turut meminta netizen berhenti menuduh Awie.

Kenyataan Ubai


- Suami Shila, Ubai, menyuarakan kekecewaan terhadap Amy Search.
- Menyifatkan tindakan menyerang isterinya ketika sesi 'soundcheck' adalah tidak profesional.


14 Julai 2025

- Pelakon Nabila Huda sekali lagi mencuri perhatian netizen apabila memuat naik sebuah video monolog yang dipercayai sarat dengan sindiran terhadap individu tertentu.
- Menerusi rakaman yang dimuat naik di Instagram, Nabila atau lebih mesra disapa Abil menyampaikan dialog yang menyentuh isu penderitaan seorang lelaki akibat perbuatan wanita yang digambarkan sebagai 'tamakkan harta dan status'.

16 Julai 2025

- Datuk Amy Search membuat laporan polis terhadap Shila Amzah di IPD Shah Alam.
- Peguamnya, Datuk M Reza Hassan, menjelaskan bahawa laporan itu tidak berkaitan dengan siasatan terdahulu, tetapi satu laporan baharu bagi pihak Amy.





Pengarah: James Gunn
Pelakon: David Corenswet, Rachel Brosnahan, Isabela Merced, Edi Gathegi, Nathan Fillion, Anthony Carrigan
Genre: Aksi/Superhero

Clark Kent, seorang wartawan muda di Daily Planet, menyembunyikan identitinya sebagai Superman, pahlawan dari planet Krypton yang dibesarkan di Bumi. Walaupun niatnya membantu manusia, tindakannya menimbulkan konflik global dan membuatnya dipertikai.

Lex Luthor melihat Superman sebagai ancaman dan cuba menjatuhkannya. Dalam masa sama, Clark bergelut dengan jati diri, asal-usulnya, dan pilihan antara terus melindungi dunia atau berundur selamanya.



Pengarah: Jennifer Kaytin Robinson
Pelakon: Madelyn Cline, Chase Sui Wonders, Jonah Hauer-King, Tyriq Withers, Freddie Prinze, Jr., Jennifer Love Hewitt
Genre: Seram/Thriller

Sekuel ini mengisahkan sekumpulan remaja yang terlibat dalam satu kemalangan maut yang meragut nyawa seseorang. Mereka kemudiannya sepakat untuk membuang mayat mangsa dan menyembunyikan kejadian itu. Namun, setahun kemudian, rahsia hitam mereka mula terbongkar. Kehidupan mereka mula diganggu oleh satu teror misteri yang mengancam keselamatan dan nyawa masing-masing. Dalam usaha untuk menyelamatkan diri, mereka mendapatkan bantuan daripada dua individu yang pernah terselamat daripada tragedi serupa sebelum ini.



Pengarah: Ferry Pei Irawan
Pelakon: Arya Saloka, Dara Sarasvati, Juan Bio One, Nugie, Iwa K
Genre: Aksi/Drama/Thriller

Pandu adalah seorang anggota operasi khas yang menjadi bapa tunggal selepas kematian isterinya. Di sebalik tugasnya yang sibuk, dia sentiasa mencuri masa untuk diluangkan bersama anak perempuannya, Olivia. Guru Olivia, Suri membantu mengisi kekosongan di hati Olivia. Hubungan antara Pandu, Suri dan Olivia mula akrab. Bagaimanapun, tugas Panda menjadi tegang apabila sebuah kafe telah dibom. Insiden itu berkait dengan pelepasan Leong dari penjara, dan polis mengesyaki dia adalah dalang. Ketika serbuan dilakukan, wajah Pandu terdedah, menyebabkan dia dan Olivia menjadi sasaran penganas. Kini Pandu perlu membuat keputusan sukar antara melindungi negaranya dari ancaman penganas atau menjaga keselamatan satu-satu anaknya - Olivia.

Amira Othman Terus Mendominasi, Zuly Ali & Christy Ng Turut Trending

Minggu ini, Amira Othman muncul sebagai bintang paling menyerlah dalam carta Gempak Most Wanted (GMW).

Lagu 'Dalam Sujudku' berada di No. 1 Video Muzik Trending, manakala 'Bila Nak Kahwin?' pula mendahului Lagu Trending, sekaligus melonjakkan namanya ke No. 2 Selebriti Trending.


Dalam dunia digital, Zuly Ali mengungguli Digital Creator Trending (Entertainment), sementara Christy Ng memimpin kategori Lifestyle. Ahmad Salam pula menjadi tumpuan dalam kategori Beauty & Fashion.

Untuk Drama Trending, 'Dia Bukan Syurga' kekal di puncak, manakala 'Dia Imamku' menarik perhatian dalam dua carta muzik dan drama. Dalam kategori hos digital, Amelia Henderson mendahului, diikuti Nana Mahazan dan Khairy Jamaluddin.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11.30 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Dalam Sujudku - Amira Othman
2. MWA! - DOLLA
3. Kerana Ego - Khai Bahar
4. One More Time - KRU
5. Dia Imamku - Asfan Shah & Keka Nizam

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)


1. Zuly Ali
2. Husin
3. Achik Mael
4. Ki Misri
5. Adam Bakery

TOP 5 Digital Creator Trending (Lifestyle)

1. Christy Ng
2. Izzar Anwari
3. Khyerun
4. Haroqs
5. Zarif Kira

TOP 5 Drama Trending

1. Dia Bukan Syurga
2. Honey Minta Maaf
3. Dia Imamku
4. Aku Bukan Ustazah 2
5. Bukan Sekadar Lafaz 2



The Chosen One XTRA, Jutawan Ekspres Sarat Bakat & Gelak



Astro terus komited menyajikan kandungan yang menyeronokkan dan mendidik seisi keluarga menerusi siri jelajah Home of Kids 2025, sambil memperkenalkan dua program terbaharu iaitu The Chosen One XTRA dan Jutawan Ekspres.

Menurut Naib Presiden Strategi Kandungan GenNext, Putri Yasmin Megat Zaharuddin, kedua-dua program ini bukan sahaja menghiburkan, malah membawa mesej positif yang sesuai untuk penonton pelbagai peringkat umur.

The Chosen One XTRA bukan sekadar pertandingan nyanyian, sebaliknya turut membuka peluang kepada bakat lain seperti tarian, akrobatik, bermain alat muzik dan banyak lagi.

Antara coach yang bakal membimbing peserta musim ini termasuk Namie, Nikki Palikat, Achey, Tuju & Loca B, Bunga, Usop dan Naqiu. Program ini dihoskan oleh Nabil Ahmad bersama anaknya Nayla Mikayla selaku TCO 'sister', manakala Dato' Awie kekal sebagai juri utama, digandingkan dengan pelakon dan pelawak popular Sharifah Shahirah.



Selain TCO, program komedi baharu berjudul Jutawan Ekspres turut bakal menemui penonton di Astro Ceria tidak lama lagi.

Drama ini mengisahkan sebuah keluarga biasa yang tiba-tiba menjadi jutawan selepas berdepan masalah kewangan. Kejayaan mereka menarik perhatian ahli keluarga dan jiran yang mahu 'menumpang tuah'.

Jutawan Ekspres diarahkan oleh individu yang pernah menghasilkan drama popular seperti Keluarga Iskandar dan Dr. Pontianak. Barisan pelakon utama termasuk Elly Mazlein, Rashidi Ishak, Bell Ngasri, Sazzy Falak dan Azhar Sulaiman.

Jangan lupa saksikan The Chosen One XTRA di Astro Ria (saluran 104) dan Jutawan Ekspres di Astro Ceria (saluran 611) untuk hiburan keluarga yang segar dan menghiburkan.




Canda 'Abang Aji Pasha' Ukir Nostalgia 29 Tahun Ungu

Konsert 29th Symphony of Ungu di Plenary Hall KLCC berlangsung penuh emosi, meraikan 29 tahun kerjaya bersama peminat setia di Malaysia.

Selepas pulang dari menunaikan haji, ini merupakan kemunculan pertama mereka, disambut hangat dengan sorakan penonton.

Vokalis Pasha menceriaikan suasana dengan seloroh bersahaja, manakala rangkaian lagu hit seperti Cinta Dalam Hati, Demi Waktu, dan Kekasih Gelapku mengundang nyanyian penuh semangat.

Kemunculan istimewa Ayda Jebat yang berduet bersama Pasha turut mencuri perhatian. Segmen paling menyentuh hati adalah tribut kepada pemain keyboard mereka, Gatot, menerusi lagu Bila Tiba dan Andai Ku Tahu sebelum ditutup dengan lagu Seperti Mati Lampu. - AMRI HASSAN




10,000 Pengunjung Meriahkan Konsert Ulang Tahun ke-20 MR D.I.Y. di Stadium Merdeka

Sambutan ulang tahun ke-20 Kumpulan MR D.I.Y. berlangsung meriah apabila lebih 10,000 pengunjung membanjiri Stadium Merdeka untuk menyaksikan konsert gilang-gemilang anjuran peruncit perkakas rumah terbesar Malaysia itu.

Konsert istimewa ini menampilkan barisan artis legenda termasuk Shila Amzah, Jaclyn Victor, Amy Search, Awie, Ella, Penny Tai, Jeryl Lee dan kumpulan 3P.

Persembahan turut diserikan dengan cahaya laser, bunga api dan pelbagai aktiviti menarik termasuk cabutan bertuah. Menara Merdeka 118 juga disinari cahaya khas sebagai simbolik 20 tahun perjalanan MR D.I.Y..

Sempena ulang tahun ini, MR D.I.Y. menawarkan promosi menarik sepanjang Julai termasuk diskaun sehingga 50% untuk lebih 130 produk. Pelanggan juga berpeluang menyertai peraduan 'Gores & Menang' dari 25 hingga 31 Julai, dengan hadiah bernilai sehingga RM2 juta termasuk iPhone 16, robot AI, beg Louis Vuitton dan bar emas.



Untungnya Bernadya Di Malaysia

Penyanyi Indonesia, Bernadya, mengakhiri satu era peribadi dalam hidupnya menerusi konsert sulung Untungnya Untungnya Malaysia Tour 2025 yang berlangsung di Zepp Kuala Lumpur baru-baru ini.

Konsert selama dua jam itu bukan sahaja menampilkan kekuatan vokalnya, tetapi juga menjadi simbol ketabahan untuk terus melangkah selepas dikenali dengan lagu Untungnya. Lebih 2,000 peminat hadir menyaksikan persembahannya yang menyentuh hati.

Bernadya menyampaikan 14 buah lagu termasuk Satu Bulan, Apa Mungkin, Kata Mereka Ini Berlebihan, Untungnya dan Hidup Harus Tetap Berjalan. Adrian Khalif turut diundang sebagai artis pembuka dan berduet bersamanya.

Namun, suasana berubah sebak apabila Bernadya mengenang pemergian sahabat baik merangkap pengawal peribadinya, Bung Norgen, yang meninggal dunia dua hari sebelum berangkat ke Kuala Lumpur.

"Sebenarnya yang sepatutnya berangkat bersama kami ke Kuala Lumpur ialah ahli pasukan kami, namanya Bung Norgen... Semoga semangatnya dapat kita rasakan malam ini," kata Bernadya, disambut tepukan dan doa oleh para penonton.

Konsert Sulung Berjaya Pukau 2,400 Penonton, Insomniacks: Echoes Of A Dream Sukses!

Konsert Insomniacks: Echoes of a Dream berlangsung meriah dengan kehadiran seramai 2,400 penonton. Berlangsung pada Sabtu lalu, konsert yang membanjiri ruang acara di Zepp Kuala Lumpur itu berjaya mencetuskan suasana luar biasa dengan persembahan bertenaga daripada kumpulan tersebut. Lebih istimewa lagi, sebagai tanda penghargaan, Insomniacks telah mengeluarkan lagu terbaharu berjudul 'Seperti Dulu' sebelum konsert berlangsung.

Dalam konsert penuh makna itu, sebanyak 21 lagu telah disampaikan oleh Insomniacks antaranya Pulang, Sempurna dan Igauan. Malah terdapat juga beberapa lagu baharu yang pertama kali dipersembahkan secara langsung kepada umum.

Insomniacks yang dianggotai oleh Iqie, Wan Arif Iskandar (pemain bes), dan Danial Lee Hashim (pemain gitar) turut menampilkan persembahan khas daripada penyanyi terkenal Indonesia iaitu Nabila Taqiyyah yang berkolaborasi menerusi lagu 'Belum Mulai'. Turut memeriahkan pentas adalah rakan-rakan artis popular seperti Nabila Razali, Killa Driz dan Arif Kamaruddin.

Kejayaan konsert yang dianjurkan oleh SAH Entertainment berkolaborasi bersama Universal Music tersebut membuktikan lagi kedudukan Insomniacks sebagai antara band alternatif paling berpengaruh dalam industri muzik tanah air masa kini.



Mad Noor

@dodosentoso ✓

5 Tanda Awal Buah Pinggang Bermasalah, Ramai Tak Sedar Tubuh Sedang “Menjerit”

Masalah buah pinggang sering digelar sebagai "pembunuh senyap" kerana ia datang tanpa gejala yang jelas di peringkat awal.

Ramai yang mengabaikan tanda-tanda awal sehingga keadaan menjadi serius.

Pencipta kandungan, Muhammad Noor Zakaria berkongsi lima tanda utama yang perlu kita semua beri perhatian.

Selalu Rasa Letih, Lesu dan Lemau

Jika anda berasa lemah dan tidak bermaya walaupun tidak melakukan aktiviti berat, ini mungkin disebabkan oleh toksin dalam badan yang tidak ditapis dengan baik oleh buah pinggang.

Apabila penapisan gagal, toksin terkumpul dalam darah dan mengganggu fungsi sel darah merah, menyebabkan keletihan kronik.

Bengkak di Mata, Kaki atau Wajah

Bangun pagi dan perasan mata sembap atau kaki membengkak? Ini boleh jadi tanda pengekalan air kerana buah pinggang tidak lagi membuang lebihan air dan garam secara efisien. Bengkak di kawasan tertentu, terutamanya mata dan kaki, adalah antara isyarat awal yang kerap dipandang remeh.

Kerap Kencing Waktu Malam



Jika anda perlu bangun malam untuk ke tandas lebih kerap daripada biasa, ini mungkin petanda buah pinggang tidak dapat mengawal bendalir dalam badan dengan baik. Perubahan pola kencing, terutama pada waktu malam, adalah simptom yang perlu diberi perhatian segera.

Air Kencing Berbuih

Air kencing yang mengeluarkan buih halus seperti sabun boleh menandakan kebocoran protein ke dalam urin. Ini menunjukkan penapis dalam buah pinggang (glomerulus) mungkin telah rosak. Keadaan ini perlu dirujuk kepada doktor kerana ia adalah antara tanda penyakit buah pinggang kronik.

Loya dan Hilang Selera Makan

Rasa mual dan tiada selera makan bukan sekadar masalah perut semata-mata. Ia mungkin berlaku apabila kadar urea dalam darah meningkat akibat buah pinggang yang gagal menyingkirkan sisa toksin dari tubuh. Jika simptom ini berlarutan, pemeriksaan segera diperlukan. Dalam pada itu, Mdno juga turut menasihatkan orang ramai untuk sentiasa membuat pemeriksaan kesihatan agar kita semua tahu tahap kesihatan diri sendiri.





No Swipes, Just Connection

Never Strangers is a Malaysian platform that encourages real, meaningful conversations between people through curated meetups and events, moving away from swipe-based dating apps.

Founded by Michelle and Sarah, the platform aims to create safe, inclusive spaces for authentic human connection, whether for friendship, networking, or romance.

With a focus on intentional interaction, Never Strangers fosters face-to-face dialogue in a world dominated by digital noise.



Nasi Kandar for Tun M

A local nasi kandar restaurant in Klang, Selangor, made headlines after creating a unique rice sculpture of Tun Dr Mahathir Mohamad to celebrate his 100th birthday.

The edible tribute, crafted entirely from coloured rice, featured the former Prime Minister's face alongside a cake and the Malaysian flag.

The restaurant, known for its creative food presentations, said the effort was a gesture of respect and appreciation for Tun M's contributions to the country.



Chonky Panther Sparks Concern

Malaysians recently voiced concern over a viral photo of a seemingly overweight black panther at Zoo Negara, nicknamed the "chonky" panther online.

Many questioned the animal's health and welfare, prompting Zoo Negara to issue a statement assuring the public that the panther is healthy, well-fed, and regularly monitored by veterinarians.

The zoo clarified that the animal's appearance was likely due to camera angles and posture, not neglect.

Read more at www.rojakdaily.com.